

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

**NASKAH SAHIH/BAHASA
MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 1 OGOS 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 11

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1411-L00910
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan untuk membuat penambahbaikan undang-undang sedia ada dan juga memperkenalkan undang-undang baru seperti undang-undang mengenai kesaksamaan gender dan undang-undang gangguan seksual supaya lebih berkesan dalam melindungi wanita dan kanak-kanak.

2. PR-1411-L01145
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
 - (a) apakah Kerajaan akan mewujudkan jawatan Pembantu Guru dalam usaha bagi meringankan tugas guru dalam urusan-urusan lain di luar waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PDP); dan

 - (b) apakah Kerajaan akan membekukan permohonan pertukaran guru 'duka lara' daripada Sabah dan Sarawak untuk pulang ke Semenanjung Malaysia.

3. PR-1411-L00713
Tuan Pang Hok Liang [Labis] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai PUSPAKOM. Nyatakan sama ada Kementerian sedia mengeluarkan lebih banyak lesen kepada syarikat-syarikat lain untuk bersaing dengan PUSPAKOM untuk meningkatkan prestasi pemeriksaan kenderaan.

4. PR-1411-L00073
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan gaji minimum sebanyak RM1,500 pada tahun ini juga dan apakah kesan kepada ekonomi negara.
5. PR-1411-L00804
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan kesudian Kerajaan untuk memulihkan Sungai Klang agar dijadikan sebuah hab pelancongan.
6. PR-1411-L00212
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah jaminan Kementerian bagi membolehkan universiti-universiti awam (UA) beroperasi secara berautonomi penuh dan berakauntabiliti dalam mengurus tadbir institusi masing-masing termasuk menjana pendapatan sendiri, tanpa perlu khuatir akan wujudnya campur tangan dari pihak-pihak tertentu khususnya pemimpin-pemimpin politik.
7. PR-1411-L00423
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan status pembinaan Pencawang Masuk Utama (PMU) TNB di Forest Heights, Seremban yang bersebelahan dgn kawasan perumahan Agora Forest Heights dan apakah jaminan keselamatan kepada para penduduk.
8. PR-1411-L01171
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah Kementerian akan mempertimbangkan cadangan memperluaskan zon wifi percuma di seluruh Malaysia.
9. PR-1411-L00505
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kemudahan dialisis Kerajaan mahupun swasta yang terdapat di Kawasan Kuching, kategorikan mengikut kapasiti, jumlah terkini yang menggunakan perkhidmatan di setiap *center* tersebut dan jika Kerajaan ada pelan untuk mewujudkan lebih kemudahan dialisis untuk menampung jumlah pesakit yang meningkat di Sarawak.

10. PR-1411-L00859
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah Kementerian mempunyai pelan tindakan mengatasi masalah 'banjir termenung' yang sering berlaku di kawasan sekitar tebing Sungai Golok, di Tumpat, dan kawasan sekitarnya.
11. PR-1411-L01280
Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan dalam menurunkan kadar kes jenayah di Malaysia terutamanya jenayah yang melibatkan warga negara asing.
12. PR-1411-L00714
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan status projek tebatan banjir di Sungai Bongkok Gurun.
13. PR-1411-L00479
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penjelasan secara terperinci status cadangan pembinaan Klinik Lubok Antu. Kelulusannya telah pun diumumkan dalam Bajet 2016 oleh Kerajaan terdahulu, keperluan Klinik Lubok Antu yang baru perlu dilaksanakan dan diutamakan.
14. PR-1411-L01104
Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah tegas Kementerian dalam menangani masalah pencerobohan nelayan asing khususnya Vietnam di perairan Terengganu dan Kelantan yang memberi impak buruk kepada industri perikanan tempatan.
15. PR-1411-L00516
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan sama ada Kerajaan merancang menaikkan peruntukan wang bantuan tanam semula pekebun-pekebun kecil sekurang-kurangnya kepada RM1.0 bilion seperti yang diperuntukkan untuk tujuan tersebut dalam Rancangan Malaysia ke-10 (2010-2015) bagi Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020) iaitu pada kadar RM200 juta setahun.
16. PR-1411-L01040
Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status projek pembinaan Hospital Pendang sehingga Mei 2018.

17. PR-1411-L00411
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan dalam melaksanakan perancangan yang telah dibuat untuk membina Ibu Pejabat Polis Daerah Pakan (IPD) sehingga kini. Tapak tanah bagi pembinaan IPD Pakan sudah disediakan, maka bila projek pembinaan IPD Pakan dijangka dapat dilaksanakan.
18. PR-1411-L00391
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sistem pelantikan baru bagi jawatan Peguam Negara agar beliau bertanggungjawab (*answerable*) kepada Parlimen. Kenapa Peguam Negara yang baru dilantik masih lagi menjadi Pendakwa Raya Negara dan tidak dipisahkan kepada dua jawatan seperti yang dijanjikan di bawah manifesto Pakatan Harapan.
19. PR-1411-L00168
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan pengambilan semula pekerja asing tanpa izin (PATI) setelah menamatkan kontrak dengan 3 syarikat iaitu MyEG Services Sdn. Bhd., Iman Resources Sdn. Bhd. dan Bukti Megah Sdn. Bhd. yang menyediakan perkhidmatan tersebut atau memperkenalkan mekanisme baru bagi menguruskan PATI.
20. PR-1411-L01179
Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah visi Kerajaan Pusat yang berikutnya untuk Taman Teknologi Tinggi Kulim agar ia mencipta lebih banyak kejayaan dan terus memberikan sumbangan yang signifikan kepada kerancangan pertumbuhan ekonomi Malaysia.
21. PR-1411-L00072
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bagi tujuan menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti Parlimen, sama ada Kementerian bersetuju untuk menyiarkan kesemua sidang-sidang Parlimen sepenuhnya secara langsung di RTM.
22. PR-1411-L01017
Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status janji Pakatan Harapan untuk menghapuskan tol, bilakah ianya akan dilaksanakan dan berapakah kos pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi yang terlibat.

23. PR-1411-L01391
Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan wajar mengkaji semula adakah tanaman komoditi seperti koko dan kenaf masih berdaya saing dan berdaya maju untuk memberi sumbangan ketara kepada ekonomi negara.
24. PR-1411-L01282
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cara bagaimana Kerajaan bercadang untuk mengubah Malaysia daripada sebuah kleptokrasi global menjadi sebuah negara berintegriti terkemuka.
25. PR-1411-L00076
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan mengenai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang menyaksikan nilai pelaburannya menurun di dalam 10 syarikat awam tersenarai (PLC) turun 12 peratus atau RM6.09 bilion sebulan, selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).
26. PR-1411-L00956
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah projek-projek yang telah dipohon oleh JKR Pulau Pinang bagi kerja-kerja pelebaran, penambahbaikan serta pengambilan tanah bagi projek meluaskan jalan di kawasan Prai, Bukit Tengah dan Bukit Tambun serta jadual kerja, kontraktor dan kos projek tersebut.
27. PR-1411-L00781
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status pembinaan balai polis baru di kawasan Taman Tunku dan Lambir.
28. PR-1411-L00248
Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah usaha penambahbaikan kepada rancangan tebatan banjir yang Kementerian akan buat untuk kurangkan masalah banjir yang masih berlaku.
29. PR-1411-L00615
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Central Spine Road yang menghubungkan Kota Bharu dengan sempadan Pahang akan siap sepenuhnya.

30. PR-1411-L00215
Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sama ada Kerajaan Pusat masih terus melaksanakan program penyeragaman harga barang keperluan seperti beras, minyak masak, gula, minyak petrol dan diesel di pedalaman Sarawak. Berapakah peruntukan/subsidi yang diagihkan dalam tahun 2018 bagi tujuan tersebut untuk Sarawak dan Sabah.
31. PR-1411-L01347
Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan membina lebih banyak Projek Perumahan Rakyat dalam masa terdekat. Di kawasan Parlimen Kalabakan dan Tawau terdapat lebih 17,000 setinggan sedangkan hanya 3,800 rumah PPR yang disediakan setakat ini.
32. PR-1411-L01189
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pembinaan Mahkamah Pengerang yang telah dipecah tanah baru-baru ini dan bilakah ianya dijangka siap.
33. PR-1411-L00431
Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana kajian telah dilakukan sebelum mengambil keputusan untuk menaikkan harga Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada RM60,000 seunit dan hal ini sekaligus dikhuatiri mengurangkan kuasa beli golongan B40.
34. PR-1411-L00558
Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kadar jenayah komersil, jenayah berat dan jenayah keluarga dalam tempoh masa 3 tahun yang lepas sehingga kini dan nyatakan mengikut kaum kategori umur dan kawasan mengikut parlimen.
35. PR-1411-L00401
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk mencapai 60 peratus pelajar mengambil Sains di peringkat SPM.

36. PR-1411-L00326
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan status terkini projek kereta kabel di Bukit Larut, Taiping yang telah dirancang lebih 12 tahun yang lalu dan berapa jumlah peruntukan yang akan disalurkan.
37. PR-1411-L00301
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing di Malaysia yang sah mengikut kategori perkhidmatan.
38. PR-1411-L00577
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah tindakan tegas Kementerian terhadap pengeluar produk suplemen yang tidak berdaftar dengan KKM yang memudaratkan pengguna ; dan
 - (b) apakah langkah proaktif Kementerian dalam memastikan tahap kesedaran pengguna akan kesan negatif penggunaan serta pengambilan produk suplemen yang tidak berdaftar dengan KKM.
39. PR-1411-L01221
Tuan Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang negara mengikut tahun, pihak peminjam dan kadar bunga bayaran balik pinjaman dari tahun 2009 hingga 2018.
40. PR-1411-L00138
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah punca berlaku peningkatan harga barang selepas GST diletakkan pada kadar sifar tempoh hari.
41. PR-1411-L00283
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) jumlah GST yang telah dikutip sejak April 2015; dan
 - (b) apakah rancangan Kerajaan untuk menambahkan pendapatan Kerajaan memandangkan kadar GST telah disifarkan bermula 1 Jun 2018.

42. PR-1411-L00371
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian telah mengubah formula pengiraan tenaga pengajar bagi tujuan penempatan guru.
43. PR-1411-L00007
Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status dan masa depan projek Agropolitan Pulau Banggi. Apakah ianya masih diteruskan dan apakah perancangan Kementerian terhadap projek tersebut.
44. PR-1411-L00497
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memastikan program-program yang bertujuan meningkatkan tahap hidup rakyat tidak terjejas berikutan perubahan Kerajaan.
45. PR-1411-L00646
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan dilakukan Kementerian bagi menangani permasalahan mengenai pembekalan komputer yang tidak seimbang antara sekolah bandar dan luar bandar serta penyenggaraan komputer yang kurang memuaskan di sekolah-sekolah.
46. PR-1411-L00879
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah penjimatan yang sedang dan akan dilaksanakan serta jumlah kos yang dikurangkan dalam menguruskan Jabatan Perdana Menteri berbanding dengan Perdana Menteri terdahulu.
47. PR-1411-L00698
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada rumah-rumah ibadat Islam dan bukan Islam (Kristian, Hindu, Buddha) di Mas Gading sejak tahun 2008.
48. PR-1411-L00274
Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme bagi mengekang penyiaran dan penularan berita tidak benar.

49. PR-1411-L01195
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula dasar pengambilan pekerja asing bagi industri kawalan keselamatan yang tidak disenangi oleh kebanyakan masyarakat Malaysia.
50. PR-1411-L00949
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan jumlah tukang masak warga asing dan tempatan di restoran-restoran di Malaysia dalam 5 tahun terdahulu dan pecahan mengikut negara sumber.
51. PR-1411-L00473
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan program-program skim bantuan kebajikan untuk pesakit kronik telantar, orang kurang upaya, warga emas, kanak-kanak, orang papa dan lain-lain yang memerlukan bantuan.
52. PR-1411-L00923
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan senarai penuh subsidi yang diberikan Kerajaan terhadap golongan petani. Adakah pemberian subsidi ini akan ditamatkan sepertimana yang dinyatakan oleh pihak Kementerian.
53. PR-1411-L01008
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara teliti dasar tawaran tender secara terbuka untuk setiap projek persekutuan dan penjelasan dasar tersebut tidak akan meminggirkan kontraktor Bumiputera.
54. PR-1411-L01248
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjung Karang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah jenis subsidi atau insentif petani dan nelayan yang akan dimansuhkan dan berapakah jumlah impak kewangan kepada Kerajaan.
55. PR-1411-L01305
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibul] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah polisi tentang kaca kenderaan berwarna hitam dan penalti yang berkenaan. Adakah penguatkuasaan dijalankan dengan ketat bagi perkara ini.

56. PR-1411-L01242
Brig Jen Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status dan mekanisme pelaksanaan bagi penundaan pembayaran balik Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) selagi gaji peminjam belum mencecah RM4,000.
57. PR-1411-L00039
Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah wang cukai yang dikutip dari Sabah sebanyak 50 peratus dikembalikan kepada Kerajaan Sabah bagi pembangunan rakyat Sabah sendiri.
58. PR-1411-L00520
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan mempertimbangkan cadangan UNHCR untuk membenarkan para pelarian yang menetap di negara ini supaya diberikan peluang pekerjaan.
59. PR-1411-L00332
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status, skop, dan jangka masa pengiktirafan sijil UEC sepertimana dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan dalam PRU14.
60. PR-1411-L00723
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah jaminan Kementerian agar tidak memberi kesan kenaikan harga perkhidmatan e-hailing seperti GRAB setelah Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dilaksanakan pada September 2018.
61. PR-1411-L00114
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rangka kerja strategik Kementerian untuk mengekang penularan berita-berita palsu dan tidak benar di media sosial sekiranya Kerajaan bersetuju untuk memansuhkan Akta Anti Berita Tidak Benar 2018.
62. PR-1411-L00967
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah usaha-usaha yang akan diambil bagi mendorong pelaburan ke negeri-negeri yang mempunyai kurang sumber seperti Perlis.

63. PR-1411-L00632
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan senarai projek pembangunan Kerajaan Persekutuan yang telah diumumkan tetapi dibatal atau ditangguhkan. Apakah kebaikan dan keburukan perkara ini. Berapa kehilangan peluang pekerjaan akibat tindakan ini. Berapa kesan ekonomi pengurangan rantaian bahan pembinaan yang terjejas akibat ini.
64. PR-1411-L00675
Datuk Hajah Azidah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan penerima PTPTN bagi tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018.
65. PR-1411-L00788
Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah mekanisme yang akan digunakan oleh Kementerian untuk mengutip balik hutang PTPTN yang berbilion ringgit. Bilakah janji PH untuk melambatkan pengutipan bayaran balik PTPTN penghutang di bawah pendapatan RM 4,000 akan dilaksanakan.
66. PR-1411-L01394
Tuan Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan penyelenggaraan tandas yang tidak memuaskan, eskalator yang sering rosak dan keadaan infrastruktur yang uzur adalah antara rungutan mengenai stesen keretapi KTM Ipoh. Apakah perancangan Perbadanan Aset Keretapi dalam memperbaiki stesen keretapi KTM Ipoh dalam masa terdekat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] dan masalah dicadangkan:-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat Belas."

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (31 Julai, 2018)

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R. 9/2018) | Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 3. | (D.R.10/2018) | Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 4. | (D.R.11/2018) | Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 5. | (D.R.12/2018) | Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2018 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 6. | (D.R.13/2018) | Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2018 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |

7. PR-1411-U(27)003
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Menteri Pendidikan memperjelaskan Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) supaya lepasan UEC boleh memohon untuk kemasukan universiti awam sesi pengambilan 2018/2019 yang bermula pada awal September 2018."

[Menteri Pendidikan]

8. PR-1411-U(27)004
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu serta penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seharusnya menjadi sebahagian daripada perancangan pendidikan oleh Kementerian agar SJK(C) turut menjadi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

[Menteri Pendidikan]

9. PR-1411-U(27)005
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil satu ketetapan mengenai lambakan kes permohonan kewarganegaraan oleh kaum India dan Cina yang tertunggak sekian lama agar ia dapat diproses dengan segera serta diluluskan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan."

[Menteri Dalam Negeri]

10. PR-1411-U(27)006
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membatalkan projek kereta nasional baru apabila kegagalan Proton perlu diambil iktibar dan menumpu kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu industri automotif dalam negara serta memperkukuhkan industri automotif secara holistik selaras dengan Dasar Automotif Nasional."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

11. PR-1411-U(27)007
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Menteri Kewangan untuk membahaskan kaedah mengira hutang negara yang mengambil kira liabiliti luar jangkaan serta pajakan pengkongsian awam-swasta berbanding dengan kaedah antarabangsa seperti IMF dan jika Menteri menggesa untuk mengamalkan pengiraan baru ini, ia perlu dibentang untuk kelulusan dari Parlimen."

[Menteri Kewangan]

12. PR-1411-U(27)008
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membentang butiran-butiran termasuk terma-terma dan tujuan yang terlibat dalam permintaan kredit yen dari Kerajaan Jepun dan ia dibahas dalam Dewan ini."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

13. PR-1411-U(27)009
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan apakah rancangannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara terutamanya di sekitar daerah Klang yang mana kesesakan lalu lintas dianggap mengakibatkan kehilangan 1.11% kepada 2.2% daripada KDNK terutamanya pengumuman pembatalan MRT3 telah dibuat."

[Menteri Pengangkutan]

14. PR-1411-U(27)001
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan yang mulia ini akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi membolehkan warga kota memilih sendiri wakil-wakil untuk berkhidmat dalam Majlis Kerajaan Tempatan."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

15. PR-1411-U(27)002

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakyakinan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, dan lima anggota SPR yang lain, iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah, dan Dato' Leo Chong Cheong, dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 01.08.2018 (Rabu)	1. YB Tuan Su Keong Siong (Kampar)	1. Memohon Untuk Pembinaan Jalan Susur Keluar (Highway Exit) Lebuhraya Utara-Selatan Di Kawasan Kampar	1. YB Menteri Kerja Raya
2. 01.08.2018 (Rabu)	2. YB Dato' Seri Dr. Santhara (Segamat)	2. Pengagihan Kutipan Cukai Melalui Pendapatan Daripada Sektor Perjudian, Minuman Keras, Rokok Dan Nombor Ekor	2. YB Menteri Kewangan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**